

## **Pendidikan Percuma – Khayalan dalam Dunia Kapitalis dan Pemerintahan BN**

Pendidikan ialah hak asasi manusia sepertimana air, perumahan dan perubatan. Dan kita terpaksa mengaku pendidikan telah dijadi alat perniagaan dalam dunia hari ini untuk mengaut keuntungan. Malah sudah ditanam satu perasaan dalam sanubari kita bahawa kita perlu bayar untuk belajar dan tiada apa salah kerana itu. Mengapa ini berlaku ?

Pada masa dahulu kala, pendidikan dikongsi antara manusia melalui pengalaman dan penglihatan. Cara berburu, memasak, menanam sayuran dan membina tempat tinggal dibelajar setelah melihat persekitaran disekeliling kita. Kemudiannya orang tua akan menurunkan pengetahuan mereka kepada anak muda dan proses ini telah mengalami perubahan kedewasaannya sendiri di mana punca perubahan dalam sesuatu masyarakat itu dilakukan oleh manusia itu sendiri untuk keperluan hidup (baca=sejarah materialisme). Maka lahirlah sekolah pondok, sekolah kerajaan, universiti dan kini sekolah dan universiti swasta serta pusat tuisyen di merata tempat.

Apa yang kita boleh merumuskan ialah pendidikan ialah satu warisan melalui pengalaman dan penciptaan daripada manusia dahulu kepada manusia masa kini untuk kita hidup bersama. Persoalan utama ialah apakah pendidikan masa kini digunakan untuk hidup bersama (masyarakat) atau untuk diri sendiri (pekerjaan )? Anehnya, perubahan yang dilalui oleh masyarakat yang dikatakan semakin maju telah menafikan fakta ini dan pendidikan telah dilihat sebagai satu keperluan untuk pekerjaan semata-mata. Apakah puncanya ?

Dunia dikawal oleh ekonomi kapitalisma (orang kaya yang minoriti mengawal kaum pekerja majoriti). Manusia dianggap komoditi untuk meningkatkan pendapatan kaum majikan. Malangnya, pihak majikan (baca=kapitalis) ini hanya memerlukan segelintir orang professional sahaja untuk menjalankan ekonominya dan majoriti pekerja murahan diperlukan. Ini menyebabkan ramai melihat pencapaian dalam pendidikan adalah segalagalanya untuk maju dan mendapat pekerjaan. Jesteru, perebutan dalam mendapat pendidikan menjadi intipati dalam masyarakat. Golongan kaya dan miskin akan terlibat dalam perlawanan perebutan ini.

Pada abad ke 20, kerajaan seluruh dunia termasuk Malaysia telah mengamalkan sistem kerajaan keynesian iaitu kerajaan kebajikan untuk melawan serangan ideology komunisma yang mempelopori keperluan asas percuma termasuk pendidikan. Pada masa itu, banyak sekolah dibina dan pendidikan secara virtualnya adalah percuma sepenuhnya. Namun, pada ketika kaum majikan kapitalis mula menguasai semua ekonomi dunia termasuk Malaysia, pendidikan telah disenaraikan bersama sebagai komoditi untuk perniagaan. Ini diistilahkan sebagai polisi neoliberal yang dipelopori oleh patung besar kapitalis iaitu bekas PM Britain, Margaret Thatcher dan ditari bersama oleh Tun Mahathir dengan polisi penswastaannya di Malaysia.

Akibatnya, sistem pendidikan dibuka untuk diniagakan. Pendidikan tidak lagi dilihat untuk menjana generasi yang berilmu tetapi dijadi pasaran kepada kroni untuk melebarkan perniagaan. Sedikit demi sedikit sistem pendidikan dibuka kepada pihak swasta. Daripada pembinaan sekolah, penjualan buku dan peralatan, pemberian makanan, pembinaan

universiti dan kolej swasta sehingga kini sekolah keajaan itu sendiri sudah dijaja untuk penaja swasta melalui RMK10.

Proses penswastaan yang berterusan ialah satu rancangan sedar untuk menguasai sistem pendidikan oleh golongan kaya. Mereka sedar walaupun keperluan golongan cerdik pandai mereka adalah minima, tetapi untuk mengaut keuntungan maksima, tawaran pendidikan tinggi harus dilebarkan kepada semua golongan rakyat. Maka wujudlah kolej dan universiti swasta bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Pada ketika kualiti pengajaran boleh dipersoalkan di sini, persoalan yang lebih penting ialah pengambilan pelajar yang ramai termasuk yang hanya lulus dalam beberapa matapelajaran dalam SPM mereka. Contohnya, kolej kejururawatan terkemuka tanahair, Masterskill telah mengambil ribuan pelajar lepasan SPM walaupun ramai di antara mereka hanya mempunyai satu atau dua kredit dalam SPM. Mengapa ini berlaku ? Adakah kolej ini merasakan mereka bertanggungjawab untuk mendidik anak muda ini untuk lebih maju dan mendapat pendidikan yang sempurna ?

TIDAK ! Jawapannya ialah PTPTN. PTPTN ialah pinjaman kerajaan untuk pelajar awam dan swasta yang tidak berkemampuan. Pada ketika hampir 2 juta pekerja Malaysia didapati bekerja untuk gaji di bawah paras kemiskinan negara, sudah pasti hampir semua pelajar Masterskill tersebut layak untuk pinjaman PTPTN. Jika lebih ramai pelajar diambil, maka lebih banyak wang PTPTN akan masuk ke kocek kolej tersebut. DAN beban hutang PTPTN pula tidak ditanggung oleh kolej atau pengaruhnya tetapi oleh pelajar yang malang ini. Adakah peluang pekerjaan mereka terjamin di luar sana ? Tidak. Ramai hospital swasta tidak mahu mengambil pelajar kolej ini kerana kualiti pengajaran yang tidak standard. Ada aduan daripada bekas pelajar kolej ini juga yang menyatakan mereka tidak dibenarkan untuk berlatih di hospital kerajaan dan ini menyebabkan mereka terpaksa berlatih mengambil tekanan darah dan pemeriksaan perubatan lain sesama mereka. Semua ini berlaku kerana polisi penswastaan negara. Pada ketika Masterskill mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan dan kepimpinannya, kelulusan PTPTN adalah menjadi tidak bermasalah dan mereka mendapat berjuta-juta ringgit. Akhirnya, pelajar kita yang dirantai dengan beban hutang.

Fenomena ini berlaku di merata tempat dan menjadi barah dalam sistem pendidikan kita. Dan kini, bagaikan menabur garam di atas luka, Rancangan Malaysia ke-10 (RMK 10) menjelma dan mula merobek dan merogol sistem pendidikan negara. Ruang dibuka seluas-luasnya untuk kemasukan swasta ke sistem pendidikan kita. Sekolah dan universiti dijaja kepada penaja swasta. Kerajaan BN mahu memberikan autonomi kepada pihak pengurusan sekolah dan universiti dalam isu pengambilan pelajar, penetapan yuran, pengambilan pekerja kontrak (termasuk guru?), penetapan matapelajaran yang mahu diajar dan sebagainya.

Adakah pihak penaja swasta (nama-nama mereka diterbitkan dalam suratkhabar utama) akan mengutamakan kualiti pendidikan dan kedudukan sosial masyarakat melebihi kepentingan korporat mereka. Adalah menjadi filosofi kaum kapitalis ini untuk menjadi agenda keuntungan sebagai motif unggul mereka. Untuk mengkaburi mata masyarakat, mungkin pada awalnya banyak propaganda diberikan untuk menunjukkan kepentingan penaja ini termasuk meningkatkan infrastruktur sekolah yang lebih canggih dan sebagainya. Tetapi pengalaman di negara lain seperti India menunjukkan yuran pengajaran akan

meningkat berkali ganda. Ramai ibu bapa terpaksa meminjam daripada along hanya untuk membayar yuran sekolah. Pendidikan tinggi akan menjadi lebih elitis dan hanya mampu dicapai oleh golongan kaya.

Maka, laungan BN untuk memberikan pendidikan percuma kepada rakyat Malaysia hanyalah gimik politik semata-mata. Adakah mustahil untuk menerajui sistem ekonomi kapitalis yang bertunjangkan kepentingan kaum majikan dan pada masa yang sama ingin memberikan keperluan asas seperti pendidikan percuma secara sedar kepada rakyat keseluruhan. Kaum majikan sudah merasai keuntungan daripada perniagaan pendidikan dan mereka tidak akan berganjak dari situ selagi kuasa rakyat itu sendiri bangkit untuk menumbangkan kerajaan yang berpaksikan kaum majikan ini.

Pendidikan percuma hanyalah satu khayalan dalam dunia kapitalis dan pemerintahan BN.

MN. Kartigesu

Penyearas GMPP